

30 DEC 2002

Mahathir-Singapura

TINDAK TANDUK SINGAPURA JEJAS HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 30 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindak tanduk Singapura selama ini dalam menangani isu-isu dua hala dengan Malaysia tidak menolong memperbaiki hubungan republik itu dengan Kuala Lumpur.

"Kita berasa sedih kenapa Singapura selalu bertindak secara yang mengganggu hubungan rapat antara Malaysia dan Singapura," katanya kepada pemberita selepas rakaman perutusan tahun baru 2003 oleh RTM di sini.

Dr Mahathir memberikan contoh bagaimana sewaktu Singapura berpisah dari Malaysia pada 1965, Singapura berjanji untuk mengekalkan segala kemudahan Malaysia di sana mengikut perjanjian yang dibuat dengan British dahulu, tetapi tidak berbuat demikian.

"Umpamanya, mereka sengaja menaikkan sewa untuk pangkalan tentera laut di Woodlands sehingga kita terpaksa keluar, dan kita keluar tanpa dibayar satu senpun. Dan kita tak buat bising berkenaan perkara ini," katanya ketika diminta mengulas beberapa tindakan Singapura yang dianggap boleh merenggangkan hubungan dengan Malaysia.

Dr Mahathir berkata isu bekalan air turut menimbulkan masalah dalam hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata bahawa sejak dulu lagi, Singapura telah meminta supaya ditambah bekalan air dan Malaysia berjanji untuk memenuhi permintaan itu dengan mengambil kira faktor penduduk negara jiran itu yang semakin bertambah.

"Tetapi mereka tidak mahu menyemak semula bayaran walaupun telah dijanjikan iaitu, selepas 25 tahun, kita boleh runding harga air. Selepas 25 tahun, bukan pada 25 tahun," katanya.

Dr Mahathir berkata namun menurut Singapura, rundingan berhubung semakan semula harga air itu kini sudah terlewat.

"Dan macam-macam lagi yang dibuat oleh Singapura yang tidak menolong memperbaiki hubungannya dengan Malaysia, termasuk membezakan antara rakyat Malaysia di semenanjung dengan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak berkenaan soal Central Provident Fund (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pusat)," katanya.

Kedua-dua negara sedang bertelagah tentang hak milik Pulau Batu Puteh yang terletak 7.7 batu nautika dari pantai terdekat di Johor.

Akhbar semalam melaporkan kesediaan kerajaan Singapura menandatangani perjanjian khas dengan Malaysia, seperti yang dikehendaki Kuala Lumpur, bagi membolehkan kes tuntutan bertindih itu dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Belanda.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai sikap Amerika Syarikat yang nampaknya tidak mahu belajar daripada serangan pengganas 11 Sept 2001 dan enggan mencari punca sebenar berlakunya keganasan.

"Kita berasa amat sedih kerana setelah semua pihak sekarang ini mendakwa tentang pentingnya sebab-sebab keganasan berlaku ditangani dan dihapuskan, tetapi nampaknya pendekatan yang dipilih masih juga dengan peningkatan pertahanan, keselamatan," katanya.

Perdana Menteri berkata Amerika juga bertindak menyerang sebuah negara yang setakat diketahui tidakpun terlibat dengan serangan 11 Sept di New York dan Washington.

"Semua ini hanya akan menambah perasaan marah yang mungkin membawa kepada lebih banyak tindakan keganasan," katanya.

-- BERNAMA

MAM SHO AHH MAI